



ANWAR Ibrahim ketika pertemuan dua hala dengan Justin Trudeau selepas mesyuarat APEC di San Francisco, Amerika Syarikat kelmarin. - PEJABAT PERDANA MENTERI

Malaysia raih komitmen pelaburan RM63 bilion dari AS

Oleh MOHD. FADHLI
MOHD. SULAIMAN
fadhli.sulaiman@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Malaysia meraih komitmen pelaburan sebanyak RM63.02 bilion daripada cadangan pelaburan syarikat-syarikat gergasi teknologi di Amerika Syarikat (AS).

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar berkata, daripada jumlah tersebut, sebanyak RM8.33 bilion adalah daripada misi perdagangan dan pelaburan ke AS yang dianjurkan sebelum bermula Mesyuarat ke-30 Pemimpin-Pemimpin Ekonomi Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di San Francisco.

Menurut beliau, pelaburan selebihnya adalah daripada mesyuarat bersemuka yang diadakan dengan wakil-wakil syarikat gergasi sepanjang tempoh menghadiri sidang APEC.

"Pelaburan bagi misi perdagangan adalah daripada Abbot

Laboratories, Mondelez International, Amsted Rail, Hematogenix, PerkinElmer, Ford Motor Company, Boeing, Amazon Web Services, Enovix dan Lam Research.

"Pelaburan selebihnya diraih daripada pertemuan berasingan dengan gergasi teknologi seperti Google, Enovix Corporation, Microsoft, Tik Tok dan TPG," kata beliau pada terakhir lawatan ke AS kelmarin.

Terdahulu, Malaysia menggesa AS bersikap adil bukan berkecuali apabila berbincang mengenai konflik di Gaza yang menyaksikan kekejaman Zionis yang meragut lebih 12,000 nyawa tidak berdosa sejak 7 Oktober lalu.

Anwar berkata, prinsip keadilan dan hak asasi manusia penting ditegakkan termasuk dalam isu perdagangan global dan pertumbuhan ekonomi.

Beliau membangkitkan perkara itu sekali lagi di hadapan Presiden AS, Joe Biden

pada sesi kedua Pemukiman Pemimpin Ekonomi APEC di Moscone Centre di San Francisco.

"Saya menegaskan keperluan untuk semua negara mendesak gencatan senjata di Gaza supaya tiada lagi orang awam yang terkorban terutama bayi-bayi.

"AS harus adil dan tidak harus bersikap berkecuali apabila berbincang mengenai konflik di Gaza," kata beliau dalam kenyataan semalam.

Sementara itu, Anwar yang bertemu rakan sejawatnya dari Kanada, Justin Trudeau membincangkan kaedah memperkukuh perdagangan dan pelaburan antara kedua-dua negara di luar mesyuarat APEC.

Anwar berkata, pertemuan atas permintaan Kanada itu turut tertumpu kepada kerjasama dalam aspek keselamatan siber, pendidikan, tenaga dan perubahan iklim.